

**MAJLIS  
SYARAHAN  
UMUM**  
PERINGKAT KEBANGSAAN



Universiti  
Malaysia  
**PAHANG**  
Engineering • Technology • Creativity

# “Cabaran Kepimpinan Masa Hadapan”

*Dari Kaca Mata*

**YABhg Tun Dr.  
Mahathir Mohamad**

**15 September 2011 (Khamis)**

**2:00 Petang**

Dewan Kompleks Sukan,  
Universiti Malaysia Pahang Kampus Gambang



**Syaraham Umum**  
**“*Cabaran Kepimpinan*  
*Masa Hadapan*”**

Oleh

**Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad**  
Presiden Kehormat, Yayasan Kepimpinan Perdana  
Mantan Perdana Menteri Malaysia Ke-4

Tarikh : 15 September 2011 (Khamis)  
Masa : 2.00 hingga 5.00 petang  
Tempat : Dewan Kompleks Sukan  
Universiti Malaysia Pahang,  
Kampus Gambang

## *Sekapur Sirih, Seulas Pinang*



Salam hormat.

Seluruh warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana sudi memenuhi permintaan UMP bagi memberikan syarahan dalam Majlis Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan ini. Kami juga mengalu-alukan kedatangan Tun ke UMP buat pertama kalinya.

Majlis Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan ini merupakan salah satu acara ilmunan tahunan anjuran UMP sebagai wadah pengilmiah warga kampus dan masyarakat melalui perkongsian ilmu, sudut pandang dan pengalaman daripada tokoh-tokoh terkemuka negara yang diundang sebagai pemedato.

Kepimpinan masa hadapan perlu lebih kreatif dan berinovasi seiring dengan kemajuan teknologi yang menuntut banyak perubahan dari segi pelaksanaan sesuatu perkara kepada daya pemikiran manusia. Kita berada di zaman generasi android dan digital yang bergerak pantas dalam segala hal. Justeru, kepimpinan yang jitu, cekap dan pantas perlu dikembangkan bagi memastikan generasi akan datang mantap dalam menggerakkan negara ke arah negara maju yang berwawasan tinggi.

Atas kesedaran ini, UMP mengorak langkah dengan menganjurkan beberapa siri syarahan umum sama ada di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa bagi berkongsi ilmu, kepakaran dan pengalaman melalui syarahan yang disampaikan oleh tokoh-tokoh pilihan. Diharapkan majlis seumpama ini berupaya mencelikkkan minda dan melebarkan sudut pandang melalui kupasan isu-isu yang disentuh oleh tokoh-tokoh terkenal berkenaan.

Sekian terima kasih,

**PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM**

Naib Canselor

Universiti Malaysia Pahang

## *Secalit Tinta, Seungkai Rasa*



Assalamualaikum w.b.t dan Salam sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, majlis Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan pada kali ini dapat diadakan dengan jayanya. Ucapan penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad di atas kesudian untuk menyampaikan syarahan umum pada kali ini. Sesungguhnya kehadiran mantan Perdana Menteri Malaysia ke-4 ke Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi menyampaikan syarahan umum adalah sesuatu yang amat berharga kepada seluruh warga kampus dan masyarakat sekitarnya.

Selaras dengan tujuan program ini adalah bagi menyalur dan menyebarkan ilmu kepada masyarakat, maka ianya merupakan sumbangan Universiti secara terus kepada masyarakat dalam usaha untuk mengeratkan hubungan dua hala antara Universiti dan masyarakat. Saya percaya melalui program ini ianya dapat mewujudkan satu pelantar dalam menemukan tokoh-tokoh terkemuka dari dalam dan luar negara kepada masyarakat dalam mengupas dan membincangkan permasalahan dan isu masyarakat.

Saya berharap agar program sebegini dapat menyuburkan lagi budaya ilmu sejajar dengan peranan Universiti sebagai gedung ilmu. Seterusnya ianya dapat merangsang minda dan membina inspirasi di kalangan para pelajar, staf dan seluruh masyarakat dalam memperkaya dan memperkukuhkan lagi ilmu pengetahuan dalam bidang masing-masing. Sesungguhnya, perkongsian ilmu pengetahuan ini merupakan satu wadah dalam memperkasakan sebuah masyarakat yang berdaya saing tinggi, progresif serta pembangunan masyarakat yang mampan.

Oleh yang demikian, UMP akan sentiasa berusaha untuk memastikan program ini diadakan pada tahun-tahun akan datang melalui komitmen penuh seluruh pihak dalam merencanakan gagasan 1 Malaysia dan seterusnya merealisasikan Wawasan 2020. Di kesempatan ini, saya turut ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada seluruh pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program pada kali ini.

Sekian, terima kasih. Salam hormat.

**Profesor Dr. Badhrulhisham bin Abdul Aziz**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Syarahan Umum Universiti

## Latar Belakang

Majlis Syarahan Umum adalah merupakan salah satu siri program Syarahan Umum Universiti yang merupakan satu program terancang yang bertujuan untuk menyalur dan menyebarkan ilmu kepada masyarakat. Secara tidak langsung, ianya juga merupakan sumbangan Universiti secara terus kepada masyarakat dalam usaha mengeratkan hubungan dua hala antara Universiti dan masyarakat.

Melalui program ini, UMP berusaha mengenengahkan dan menyalurkan pengetahuan serta penemuan tokoh-tokoh terkemuka dari dalam dan luar negara kepada masyarakat. Siri Syarahan Umum ini juga merupakan satu forum yang mengupas dan membincangkan masalah-masalah serta isu-isu masyarakat agar penyelesaian dapat dipertimbangkan bersama.

Salah satu daripada siri Syarahan Umum Universiti adalah Majlis Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan. Bagi tujuan tersebut, Pengurusan Universiti telah bersetuju untuk menjemput Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad (Mantan Perdana Menteri Malaysia Ke-4) sebagai Pemidato Utama majlis tersebut.

## OBJEKTIF

- Mengenengahkan tokoh terkemuka dalam negara bagi menyalurkan ilmu dan pengetahuan kepada masyarakat kampus dan luar kampus;
- Membolehkan ilmu dan pengetahuan tersebut dikongsi bersama masyarakat yang mana ianya boleh dijadikan sebagai pelantar untuk mewujudkan masyarakat yang progresif dan berdaya saing tinggi;
- Memasyarakatkan Universiti selaras dengan peranan Universiti sebagai institusi ilmu; dan
- Memberi peluang dan ruang kepada masyarakat untuk mendengar pendapat, pandangan dan buah fikiran baharu dalam memastikan agenda transformasi negara direalisasikan.



## *Biodata*

### Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad

**Tun Dr. Mahathir Mohamad** dilahirkan pada hari Jumaat tanggal 20 Disember 1925 di Alor Setar, Kedah. Tun Dr. Mahathir Mohamad memulakan alam persekolahan di Sekolah Melayu Seberang Perak dan melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di King Edward VII College of Medicine, Singapura. Semasa di Kolej, beliau merupakan seorang pelajar yang tekun dan bersungguh-sungguh dalam pelajaran, aktif dalam sukan ragbi dan sentiasa mengambil berat tentang kebajikan pelajar-pelajar lain. Pada tahun 1953, beliau telah dianugerahkan kelulusan Ijazah Doktor Perubatan (M.B.B.S) dari University of Malaya, Singapura. Berbekalkan kelulusan berkenaan, Dr. Mahathir telah memulakan perkhidmatannya dalam kerajaan dengan menjadi doktor pelatih di Hospital Besar Pulau Pinang.

Pada tahun 1957, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah membuka klinik persendirian yang bernama Klinik MAHA, di Jalan Tunku Ibrahim, Alor Setar. Selain daripada perkhidmatan perubatan, klinik MAHA juga telah menjadi pentas untuk beliau menjalankan aktiviti-aktiviti perkhidmatan komuniti setempat. Keperihatinan beliau terhadap masalah ekonomi dan politik Melayu telah diluahkan dalam bentuk rencana-rencana yang diterbitkan oleh Sunday Times di bawah nama pena 'CheDet' antara tahun 1946-1950. Penulisan merupakan satu dari minat Dr. Mahathir hinggalah ke hari ini. Selain daripada menulis, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga bergiat aktif dalam arena politik. Semasa pilihan raya umum tahun 1964, Tun Dr. Mahathir Mohamad diberi kepercayaan menjadi calon dan seterusnya berjaya memenangi kerusi Parlimen Kota Setar di atas tiket Parti Perikatan. Bermula dari sinilah beliau menempa nama di kalangan masyarakat dan senario politik negara sehinggalah dipilih menjadi Perdana Menteri Malaysia keempat pada tahun 1981.



Corak pentadbiran dan ketegasan yang ditunjukkan oleh Dr. Mahathir semasa menjadi Perdana Menteri menyebabkan negara ini disegani dunia. Sepanjang tempoh 22 tahun sebagai Perdana Menteri, Dr. Mahathir telah membawa Malaysia ke persada kecemerlangan. Malaysia telah melalui pelbagai pembaharuan fizikal, mental dan sosial. Malaysia telah menjadi negara yang disegani dan dihormati di pentas dunia. Kejayaan Malaysia sebagai negara membangun dan sebuah negara Islam yang unggul di rantau ini telah diiktiraf dunia.

Kita mungkin tidak akan lupa krisis kegawatan ekonomi pada tahun 1997, kebanyakan negara di Asia meminta bantuan daripada bank dunia bagi membantu mereka keluar dari kegawatan. Tetapi tidak Malaysia, di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, Malaysia Berjaya mengawal kegawatan ekonomi dengan menambat ringgit kepada dollar Amerika.

Terbukti kesannya, Malaysia adalah satu-satunya negara yang berjaya

melepaskan diri daripada belunggu kegawatan tersebut tanpa perlu 'mengikat diri' kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh International Monetary Fund seperti yang berlaku kepada negara-negara lain di Asia.

Tun Dr. Mahathir Mohamad juga telah mengubah sektor ekonomi asas negara daripada sebuah negara yang berasaskan pertanian kepada sebuah Negara berasaskan perindustrian. Tun Dr. Mahathir Mohamad



telah membuat keputusan untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi negara dan sekaligus mengurangkan pergantungan terhadap bahan komoditi.

Perkembangan pembangunan industri berat seperti penubuhan industri automotif negara juga telah diterajui oleh beliau dengan keluaran pertama kereta nasional iaitu Proton Saga. Selain projek kereta nasional, satu lagi projek besar (*mega project*) hasil cetusan beliau ialah Koridor Raya Multimedia [Multimedia Super Corridor (MSC)]. Projek ini diilham dan direalisasikan memandangkan peri pentingnya teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam dunia perdagangan masa kini dan masa depan. Projek-projek besar yang dibangunkan dan direalisasikan semasa pentadbiran beliau antaranya ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Stadium Nasional Bukit Jalil, Litar Antarabangsa Sepang, tempat perlumbaan sukan permotoran berprestij *Formula One* dan Menara Berkembar Petronas (KLCC). Projek-projek ini secara tidak langsung berjaya meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun yang dikenali dunia.

Sememangnya Tun Dr. Mahathir Mohamad layak digelar Bapa Pemodenan Malaysia kerana atas usaha dan komitmen beliau maka Malaysia telah berubah dengan pesat ke arah pemodenan yang searus dengan negara maju lain.





## *Atur Cara*

- 1:45 petang : Ketibaan Para Peserta dan Tetamu Jemputan
- 2:00 petang : Ketibaan Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang
- 2:10 petang : Ketibaan Tetamu-tetamu kehormat
- 2:20 petang : Ketibaan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad,  
Presiden Kehormat, Yayasan Kepimpinan Perdana,  
Mantan Perdana Menteri Malaysia
- 2:30 petang : Nyanyian lagu Negaraku dan Maju Gemilang (Lagu UMP)
- : Bacaan Doa
- : Ucapan Alu-Aluan Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang dan  
memperkenalkan Pemandato Utama
- : Ucaptama oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad  
Tajuk "Cabaran Kepimpinan Masa Hadapan"
- : Sesi Soal Jawab
- : Penyampaian Cenderahati
- : Jamuan Ringan
- 5:00 petang : Majlis Bersurai